





KEMENTERIAN PENDIDIKAN



FEN FINANCIAL
EDUCATION
NETWORK





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MODUL PENGINTEGRASIAN ELEMEN PENDIDIKAN KEWANGAN SEKOLAH RENDAH

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM



FEN FINANCIAL
EDUCATION
NETWORK

Terbitan 2026

© Kementerian Pendidikan

Hak Cipta Terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Aras 4, 6 – 8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya.

MODUL PENGINTEGRASIAN ELEMEN PENDIDIKAN KEWANGAN SEKOLAH RENDAH

ISBN 978-967-420-874-5

Terbitan:

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan
Aras 4, 6 – 8, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

Percetakan:

Unit Percetakan
Sektor Khidmat Pengurusan
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan
Aras 4, Blok E9
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya

KANDUNGAN

Rukun Negara	vi
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vii
Kurikulum Kebangsaan	viii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan	xi
Matlamat dan Objektif	xii
Definisi Konsep Kewangan	xiii
Topik 1: Pendapatan	1
1.1 Jenis Pendapatan	4
1.2 Menjana Pendapatan Secara Beretika	12
1.3 Tanggungjawab kepada Negara	16
Topik 2: Pilihan dan Tanggungjawab	23
2.1 Pilihan dan Keputusan Berbelanja serta Kesan Keputusan Kewangan	25
2.2 Maklumat Kewangan (Senario dan Jenis Penipuan)	33
Topik 3: Simpanan dan Hutang	45
Topik 4: Risiko Kitaran Hidup dan Insurans	57
4.1 Faktor Dalaman	59
4.2 Faktor Luaran	68
4.3 Perlindungan Risiko	73
Penghargaan	77



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara

akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

KURIKULUM KEBANGSAAN

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan
(Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97]



**HAJAH NOORAINI BINTI KAMARUDDIN
PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah berjaya menghasilkan Modul Pengintegrasian Elemen Pendidikan Kewangan Sekolah Rendah sebagai panduan pengintegrasian elemen ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Elemen Pendidikan Kewangan telah diintegrasikan dalam semua mata pelajaran melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah secara langsung dan merentas kurikulum.

Pengintegrasian ini dilaksanakan dengan merujuk enam elemen Celik Kewangan (CK) iaitu CK1: Wang, Sumber Pendapatan dan Kerjaya, CK2: Tanggungjawab dan Membuat Keputusan Kewangan, CK3: Pengurusan dan Perancangan Kewangan, CK4: Simpanan dan Pelaburan, CK5: Pengurusan Kredit dan Hutang serta CK6: Pengurusan Risiko, Perlindungan dan Insurans. Kesemua elemen CK ini dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) bersama-sama Bank Negara Malaysia (BNM). Pelbagai bahan sokongan pengintegrasian elemen Pendidikan Kewangan telah dibangunkan oleh BPK di peringkat sekolah rendah dan menengah semenjak tahun 2014 lagi. Oleh demikian, modul ini dibangunkan bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada guru dan murid mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan.

BPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan modul ini. Semoga modul ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak, khususnya guru dan murid dalam meningkatkan tahap kompetensi literasi kewangan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Jaringan Pendidikan Kewangan [Financial Education Network (FEN)] yang diketuai Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah ditubuhkan pada 2019. FEN turut dianggotai oleh enam agensi lain iaitu Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). FEN telah merangka lima Strategi Keutamaan (SK) di bawah Strategi Nasional Literasi Kewangan bagi memastikan peningkatan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam mengurus kewangan dengan bijak dalam kalangan masyarakat Malaysia.

KPM dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan SK1 iaitu Menyemai Nilai Murni Sejak Usia Muda bagi meningkatkan dan mengukuhkan kesejahteraan kewangan masyarakat Malaysia. KPM mengambil inisiatif memperluaskan Pendidikan Kewangan dengan mengintegrasikan enam standard CK dalam kurikulum persekolahan dari peringkat prasekolah hingga sekolah menengah.

Pengintegrasian elemen Pendidikan Kewangan dilaksanakan melalui penerapan enam standard CK semasa pelaksanaan PdP dengan merentasi tema, bidang atau tajuk yang bersesuaian dalam sesuatu mata pelajaran. Dengan inisiatif SK1, KPM berhasrat untuk meningkatkan tahap literasi kewangan murid. Literasi kewangan didefinisikan sebagai penggabungan kesedaran, pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku untuk membuat keputusan kewangan yang baik demi mencapai kesejahteraan kewangan individu.

Modul ini merangkumi empat topik iaitu pendapatan, pilihan dan tanggungjawab, simpanan serta risiko kewangan. Kandungan modul ini mendedahkan cara penerapan CK dalam aktiviti PdP. Pendekatan pembelajaran berasaskan situasi kewangan telah diaplikasi dan boleh dirujuk oleh guru semasa merancang pelbagai aktiviti yang berpusatkan murid. Guru boleh menilai kefahaman kewangan murid dengan menggunakan item penilaian sendiri yang disediakan bagi setiap topik.

Modul ini boleh dijadikan bahan rujukan aktiviti di luar bilik darjah seperti aktiviti kokurikulum. Aktiviti yang dicadangkan boleh digunakan untuk memberi gambaran sebenar situasi kewangan yang akan dihadapi murid pada masa akan datang. Pengetahuan dan kemahiran kewangan boleh diterap melalui pelibatan murid dalam aktiviti sekolah untuk menyemai nilai kewangan yang positif sejak usia muda di samping membentuk sikap dan tingkah laku kewangan yang baik.

MATLAMAT

Modul Pendidikan Kewangan ini bermatlamat untuk melahirkan murid celik kewangan yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman serta berupaya mengubah sikap dan tingkah laku yang menjurus kepada kemahiran pengurusan kewangan.

OBJEKTIF

Modul Pendidikan Kewangan ini bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Celik dalam mengurus kewangan peribadi dengan cekap dan bijak;
2. Mempunyai nilai murni yang mapan dan bertanggungjawab dalam menghadapi cabaran kehidupan masa kini dan akan datang; dan
3. Membudayakan kemahiran pengurusan kewangan peribadi.

DEFINISI KONSEP KEWANGAN

Pendidikan Kewangan

Pendidikan Kewangan merupakan satu proses yang membolehkan pengguna kewangan meningkatkan pemahaman mereka mengenai produk, konsep dan risiko kewangan. Berdasarkan maklumat, panduan dan nasihat yang betul, murid dapat membangunkan kemahiran dan keyakinan untuk menjadi lebih arif mengenai risiko dan peluang serta membuat pilihan yang bijak, mengetahui saluran bagi mendapatkan bantuan dan mengambil tindakan yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka.

Celik Kewangan

Celik Kewangan ialah pengetahuan dan pemahaman konsep kewangan dan risiko, kemahiran, motivasi dan keyakinan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan pemahaman tersebut bagi membuat keputusan yang efektif meliputi semua konteks kewangan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kedudukan kewangan individu serta masyarakat dan membolehkan pengguna turut serta dalam kegiatan ekonomi negara.

Rujukan: Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
(*Organisation for Economic Co-Operation and Development*)

TOPIK 1

PENDAPATAN



TOPIK 1: PENDAPATAN




Pengenalan



- Tujuan topik ini adalah untuk mengenal pasti pelbagai **jenis pekerjaan** yang terdapat dalam masyarakat.
- Topik ini juga menerangkan pelbagai **sumber pendapatan yang beretika** dan **kepentingan** untuk **menjaga kerahsiaan** maklumat peribadi serta memberi kesedaran berkenaan **tanggungjawab membayar cukai**.

1.1

Jenis Pendapatan



Definisi Celik Kewangan

Kebolehan menguruskan kewangan termasuklah menabung, melabur dan mengurus hutang.



- Sumber Pendapatan (gaji, upah, sewaan, hadiah, dividen dan faedah)
- Perbezaan sumber pendapatan (aktif dan pasif)

LITERASI KEWANGAN

Pengetahuan

- Mengenal pasti pelbagai pekerjaan yang terdapat dalam masyarakat dan menerangkan tentang sumber pendapatan.
- Menyatakan pelbagai sumber pendapatan (daripada gaji, sewaan atau hadiah).

Kemahiran

- Menghubung kait pilihan kerjaya dengan pendapatan.
- Menjelaskan perbezaan antara sumber pendapatan (aktif dan pasif).

Nilai

- Bersyukur
- Rasional

Situasi 1

Ahmad, Sally dan Rani berbual di taman permainan berkaitan Hari Pekerja.

Saya tahu. Hari pekerja disambut pada 1 Mei pada setiap tahun.

Kawan-kawan, tahukah kamu bahawa hari ini adalah Hari Pekerja?



Hari Pekerja disambut bagi menghargai pekerja yang telah menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Ayah saya seorang ahli bomba dan ibu saya bekerja sebagai pegawai bank.




Ayah saya pula seorang peniaga dan ibu saya seorang guru. Oleh itu, ibu dan ayah kita akan menyambut Hari Pekerja.



Aktiviti 1

Bincangkan jenis pekerjaan yang berikut.





Aktiviti 2

Bincangkan cita-cita anda dan kaitkan jenis pekerjaan dengan potensi sumber pendapatan.

Senarai pekerjaan dan potensi pendapatan

Contoh jawapan:

- **Jenis pekerjaan:** Guru
- **Potensi pendapatan:** RM3,500 - RM7,000


Nota Guru:

Guru menerangkan potensi pendapatan jenis pekerjaan yang dikongsi oleh murid.

Situasi 2




Raju pulang ke kampung untuk menghabiskan cuti sekolah bersama-sama datuk dan neneknya.



Pada cuti sekolah yang lalu, Raju pulang ke kampung untuk berjumpa datuk dan neneknya. Datuk dan nenek Raju sudah bersara daripada dunia pekerjaan.


Aktiviti harian Raju adalah menemani datuk dan neneknya ke pasar raya. Mereka membeli barangan keperluan harian semasa di pasar raya. Datuk Raju merupakan seorang pesara guru manakala neneknya merupakan pesara pegawai bank. Nenek Raju mempunyai rumah sewa di bandar.






Aktiviti Individu

Nyatakan sumber pendapatan datuk dan nenek Raju selepas bersara.



Aktiviti Kumpulan

Bincangkan sumber pendapatan aktif dan pasif.



Nota Guru:

Guru menerangkan maksud pendapatan aktif dan pasif.

Cadangan Jawapan



Aktiviti Individu

Datuk mendapat pencen bulanan daripada kerajaan manakala nenek mempunyai simpanan persaraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Neneknya juga mendapat pendapatan bulanan daripada sewaan lot rumah.



Aktiviti kumpulan

- Pendapatan aktif: untung, upah, gaji
- Pendapatan pasif: sewa, pelaburan, pencen



Penilaian Kendiri

Tuliskan **BENAR** atau **SALAH** bagi pernyataan yang berikut.

- 01 Penjual pisang goreng mendapat sumber pendapatan dalam bentuk untung.
- 02 Jumlah pendapatan individu berbeza mengikut jenis pekerjaan.
- 03 Sumber pendapatan terbahagi kepada aktif dan pasif.
- 04 Bekerja sendiri merupakan sumber pendapatan pasif.
- 05 Pencen yang diterima ialah pendapatan aktif.



1.2

Menjana Pendapatan Secara Beretika



Objektif

1.2.1 Menerangkan sumber pendapatan yang beretika.

1.2.2 Menyatakan jenis maklumat data peribadi yang tidak boleh didedahkan kepada orang lain.

1.2.3 Mengenal pasti cara mengawal maklumat peribadi.

1.2.4 Menyemai sikap bertanggungjawab dan berhemah dalam menguruskan pendapatan secara beretika.

Situasi 3

Fariz dan Arman ke kantin sekolah pada waktu rehat. Arman dan Fariz membeli sebungkus roti dan sepinggan mi goreng. Setelah membayar, Fariz mendapati rotinya telah tamat tempoh. Arman pula menyedari bahawa harga mi gorengnya RM5 melebihi harga yang dipamerkan iaitu RM3.



Aktiviti Kumpulan

Bincangkan aktiviti berikut:

Aktiviti 1

Bincangkan aktiviti yang tidak beretika atau tidak mematuhi undang-undang dalam menjana pendapatan.

Aktiviti 2

Bincangkan tindakan yang akan dikenakan kepada peniaga yang tidak beretika.

Cadangan Jawapan

Aktiviti 1 - Menjual makanan yang telah tamat tempoh dan menaikkan harga barangan yang dijual daripada harga yang dipamerkan adalah suatu kesalahan.

Aktiviti 2 - Peniaga akan didenda, penalti, kompaun dan digantung lesen perniagaan.

Situasi 4

Encik Harraz ingin membeli sebuah tablet secara dalam talian. Penjual meminta Encik Harraz mengemukakan maklumat peribadi secara terperinci kepadanya. Namun, Encik Harraz telah ditipu oleh penjual tersebut dan duitnya telah dicuri.



Aktiviti Kumpulan

Bincangkan aktiviti berikut:

Aktiviti 1

Bincangkan punca berlakunya penipuan.

Aktiviti 2

Bincangkan jenis maklumat yang tidak boleh didedahkan kepada umum.

Cadangan Jawapan

Aktiviti 1 - Memberikan maklumat peribadi dengan mudah kepada pihak lain, berkongsi maklumat peribadi dalam laman sosial, menyimpan dokumen peribadi di merata tempat.

Aktiviti 2 - Maklumat pendapatan, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan nombor pin kad bank.



Penilaian Kendiri

Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** bagi pernyataan yang berikut:

	PERNYATAAN	BETUL atau SALAH
1.	Peniaga yang tidak beretika boleh dikenakan tindakan undang-undang.	<input type="text"/>
2.	Barang yang dijual melebihi harga yang ditetapkan merupakan suatu kesalahan.	<input type="text"/>
3.	Penjualan barang makanan yang tamat tarikh luput tidak akan dikenakan kompaun.	<input type="text"/>
4.	Kad pengenalan atau MyKid merupakan contoh data peribadi yang tidak perlu dilindungi.	<input type="text"/>
5.	Maklumat data peribadi boleh didedahkan secara bersemuka dan secara digital.	<input type="text"/>



1.3

Tanggungjawab Kepada Negara



Maksud Cukai



Cukai ialah bayaran yang dikenakan oleh kerajaan terhadap orang perseorangan (perbadanan, syarikat, barang-barang dan lain-lain) untuk perbelanjaan negara.

Contoh cukai di Malaysia:

- Cukai pendapatan
- Cukai jalan
- Cukai pintu
- Cukai keuntungan syarikat

Tujuan cukai

Cukai digunakan untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran negara termasuk projek pembangunan awam seperti sekolah, universiti, hospital, klinik kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang.



Sumber daripada laman web ANGKASA



Tujuan Kutipan Cukai

Kita bersama-sama dapat membangunkan negara melalui medium percukaian, iaitu hasil daripada kutipan cukai rakyat. Hasil cukai akan disalurkan kembali kepada rakyat dalam bentuk perkhidmatan, pembangunan, fasiliti, bantuan, pendidikan dan sebagainya.

Memperkasakan benteng pertahanan negara

Bantuan kepada rakyat untuk menaikkan taraf hidup

Meningkatkan kualiti pendidikan

Kemudahan fasiliti untuk manfaat bersama

Kebajikan dan keselamatan demi keharmonian negara

Kesejahteraan rakyat

Melahirkan rakyat celik cukai melalui *Awareness, Education and Services*

Situasi 5

Bagaimanakah
hasil kutipan
cukai dibelanjakan?



Sekolah



Pengangkutan Awam



Kesihatan



Pertanian &
Perindustrian



Pembangunan
Infrastruktur



Golongan yang
Memerlukan



Kolej dan Universiti



Keselamatan dan
Pertahanan Negara

Bacaan Komik

Bacaan komik cukai
(rujuk lampiran disediakan LHDN)

<https://www.hasil.gov.my/eduzone/penerbitan-cukai/komik/>



Tayangan Video dan Infografik

'Ke mana wang cukai dibelanjakan
dan manfaat cukai' (disediakan
oleh LHDN):


<https://www.hasil.gov.my/eduzone/video-manfaat-cukai/>





Aktiviti Kumpulan

Berdasarkan video, infografik dan komik cukai pada muka surat 19. Hasilkan peta minda berkaitan manfaat cukai pendapatan.



Aktiviti 2



Kuiz Cukai

"Manfaat cukai untuk kemakmuran bersama"

(Rujuk kuiz yang disediakan di dalam komik:

<https://www.hasil.gov.my/eduzone/penerbitan-cukai/komik/>)

F	A	H	O	S	P	I	T	A	L	E	S	I	A	B
C	D	R	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P
D	K	F	L	W	M	A	N	F	A	A	T	K	A	E
N	P	A	S	D	F	V	C	N	H	T	I	L	K	M
P	E	R	I	N	D	U	S	T	R	I	A	N	E	B
E	K	M	E	I	K	D	P	G	J	S	D	X	T	A
N	L	F	G	S	K	F	P	R	I	P	S	T	S	N
D	A	H	P	E	R	T	A	N	I	A	N	E	C	G
I	P	K	F	K	A	S	H	P	X	M	D	M	D	U
D	A	P	G	O	T	E	C	U	K	A	I	S	B	N
I	T	Y	M	L	B	X	H	M	Z	J	C	P	F	A
K	E	O	S	A	P	E	N	D	A	P	A	T	A	N
A	N	G	P	H	S	Q	B	A	L	H	S	E	D	E
N	M	A	L	J	E	Y	R	N	S	K	A	I	M	B
S	T	K	E	S	I	H	A	T	A	N	Q	K	H	A

K

U

I

Z

C

A

R

I

K

A

T

A

HOSPITAL

PENDIDIKAN

CUKAI

MANFAAT

PERTANIAN

SEKOLAH

PENDAPATAN

KESIHATAN

PEMBANGUNAN

PERINDUSTRIAN



Penilaian Kendiri

Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** bagi pernyataan yang berikut.



PERNYATAAN

BETUL atau SALAH

1.

Cukai digunakan bagi pengurusan untuk memajukan negara.

2.

Kerajaan menggunakan hasil kutipan cukai untuk membina tadika, sekolah dan universiti.

3.


Tanggungjawab setiap individu yang bekerja dan berniaga di Malaysia adalah untuk membayar cukai jika sudah layak.

4.

Hasil cukai dibelanjakan untuk manfaat bersama.

5.

Cukai bukan merupakan sumber pendapatan negara.





TOPIK 2

PILIHAN DAN TANGGUNGJAWAB



TOPIK 2: PILIHAN DAN TANGGUNGJAWAB

2.1 Pilihan dan Keputusan Berbelanja serta Keputusan Kewangan

2.2 Maklumat Kewangan (Senario dan Jenis Penipuan)



Pengenalan

Topik ini akan membantu murid membuat pilihan dan keputusan berbelanja berdasarkan pelbagai situasi kewangan. Murid dilatih untuk menyelesaikan masalah kewangan bagi mengukuhkan dan meningkatkan tahap literasi kewangan.

2.1

Pilihan dan Keputusan Berbelanja serta Keputusan Kewangan

Objektif

Merancang perbelanjaan berdasarkan situasi yang diberi.

Membuat pilihan berdasarkan harga barang.

Menilai kesan keputusan kewangan yang dibuat.

Situasi 1

JAMUAN KITA

Kelas 5 Bestari akan mengadakan jamuan akhir tahun.

Saya ingin bertanya tentang jamuan akhir tahun.



Wah, menariknya! Tak sabar rasanya.

Bolehkah saya cadangkan beberapa jenis makanan mengikut bajet?

Saya tahu kedai yang berpatutan untuk membeli barang dan makanan. Saya akan pergi bersama Hannah.



Aktiviti 1

Selesaikan tugas di bawah di dalam kumpulan.




Berapakah jumlah makanan dan minuman yang perlu disediakan untuk jamuan?



Senaraikan jenis makanan dan minuman beserta kos.



Cadangkan set makanan yang sesuai mengikut bajet RM450.00 untuk 30 murid.



Aktiviti 2

Mengapakah perlu membuat perbandingan harga barang dan makanan?



Bagaimanakah perbandingan harga akan mempengaruhi perancangan perbelanjaan?



Bagaimanakah agihan tugas boleh dibuat supaya melibatkan semua murid?



Aktiviti 3

Berdasarkan senarai harga, sediakan bajet jamuan dengan jumlah keseluruhan tidak melebihi RM450 untuk 30 orang.

Senarai Harga

Makanan Berat:

- Nasi Lemak (1 bungkus): RM2.00
- Mi Goreng (1 bungkus): RM2.00
- Nasi Ayam (1 bungkus): RM5.00
- Roti Jala + Kari Ayam (1 set): RM5.00
- Laksa (1 bungkus): RM3.00

Kuih-muih:

- Sandwich (1 keping): RM2.00
- Popia (1 biji): RM0.50
- Karipap (1 biji): RM0.50
- Samosa (1 keping): RM0.50

Pencuci Mulut:

- Kek Lapis (1 biji): RM1.00
- Kek Cawan Coklat (1 biji): RM1.50
- Agar-agar (1 bungkus): RM1.00
- Buah-buahan (1 bungkus): RM1.00

Minuman:

- Air Sirap (1 cawan): RM1.00
- Jus Oren (1 cawan): RM1.00
- Air Coklat (1 cawan): RM1.00
- Air Mineral (1 botol): RM1.00

Peralatan dan Hiasan Kelas:

1 paket: 40 unit

- Pinggan kertas (1 paket = 40 keping): RM10.00
- Cawan kertas (1 paket = 40 biji): RM10.00
- Sudu dan garfu plastik (1 paket = 40 set): RM10.00
- Tisu: RM5.00

Hiasan kelas: RM50.00






Penerokaan Penyelesaian Masalah

1

Cadangan set makanan dan minuman

- Makanan berat, kuih-muih, pencuci mulut dan minuman



2

Cadangan peralatan

- Contoh peralatan jamuan



3

Menganggarkan Kos

- Bandingkan harga dari beberapa sumber



1. Kumpul maklumat



2. Banding dan catat harga



3. Membuat keputusan

4 Agihan Tugas

- Senaraikan dan agihkan tugas kepada ahli kelas



1. Senaraikan tugas



2. Agihkan ahli kelas kepada tugas

5 Penyediaan Jadual Perbelanjaan

- Memastikan jumlah perbelanjaan tidak melebihi bajet



1. Sediakan anggaran kos



2. Pastikan jumlah perbelanjaan tidak melebihi bajet



NOTA TAMBAHAN

1. Buat **perbandingan** untuk mendapatkan harga yang berpatutan.
2. Jika perbelanjaan terlalu tinggi, **pertimbangkan pilihan menu.**
3. Buat pilihan bijak dan **berhemat dalam perbelanjaan.**



Penyelesaian

Jadual Perbelanjaan

Item	Kuantiti	Harga (RM)
Makanan		
Minuman		
Peralatan		
Jumlah Keseluruhan		



Jamuan Kelas Akhir Tahun

Nama: _____

Tarikh: _____

Sila tandakan (✓) pada ruangan yang sesuai berdasarkan pengalaman anda dalam perancangan dan pelaksanaan jamuan akhir tahun.

1. Saya boleh merancang perbelanjaan menu bagi jamuan akhir tahun.
2. Saya boleh membuat anggaran kos perbelanjaan makanan, minuman dan peralatan.
3. Saya boleh memberikan cadangan menu yang bersesuaian.
4. Saya boleh membandingkan harga makanan, minuman dan peralatan.
5. Saya boleh bekerjasama dalam kumpulan dengan baik.
6. Saya boleh membandingkan harga makanan, minuman dan peralatan berdasarkan pilihan yang diberi.
7. Saya faham kepentingan membuat pilihan bijak dalam perbelanjaan.

Objektif

Mengenal pasti maklumat kewangan.

Menerangkan kelebihan dan kekurangan maklumat kewangan.

Menerangkan penipuan kewangan.



Situasi 2

Yang Mana Satu?

Dalam perjalanan ke pusat bandar...



Tiba di pusat membeli belah...





Aktiviti 1

Murid diminta untuk memberikan contoh maklumat kewangan yang terkandung dalam paparan iklan dan menceritakan kegunaan maklumat itu.



Pinjaman maksimum 10 tahun

BANK BINTANG

Iklan A

Faedah setahun
2.69%



Iklan B



RESTEA

BELI 1

PERCUMA 1

Hanya di Restea, Semenanjung Malaysia

14 Ogos 2025
16 Ogos 2025

*Tertakluk terma dan syarat



- 1 Maklumat kewangan merujuk kepada data atau informasi yang berkaitan dengan kewangan. Maklumat kewangan digunakan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak.
- 2 Terdapat banyak jenis paparan iklan kewangan seperti paparan iklan jualan, iklan perbankan dan iklan perkhidmatan. Paparan iklan ini boleh dikongsikan melalui media cetak dan digital.



Aktiviti 2

Berdasarkan kepada paparan **Iklan A** yang dipaparkan, isikan maklumat dalam ruang yang disediakan.

MAKLUMAT KEWANGAN

BANK YANG MENAWARKAN PINJAMAN

KADAR PINJAMAN

PINJAMAN MAKSIMUM

TEMPOH PEMBAYARAN

DOKUMEN DIPERLUKAN

INFORMASI LAIN





Aktiviti 3

Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Berdasarkan kepada paparan **Iklan B**, isikan maklumat dalam ruang yang disediakan mengikut kumpulan.

MAKLUMAT KEWANGAN

**BARANG
JUALAN**

**PROMOSI YANG
DITAWARKAN**

**KEDAI YANG
MENJUAL**

**TEMPOH
PROMOSI**



Penilaian Kendiri

Nama: _____

Tarikh: _____

Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** bagi pernyataan yang berikut:

	BETUL	SALAH
1. Paparan iklan kewangan digunakan untuk mempromosikan sesuatu produk atau perkhidmatan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Paparan iklan kewangan mengandungi maklumat berkaitan harga atau promosi.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Paparan iklan kewangan boleh digunakan untuk mengiklankan barang palsu.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Maklumat yang dibekalkan dalam paparan iklan kewangan mampu mengelirukan pengguna.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



Siri Seram Scam dan Amaran Scam di YouTube Bank Negara Malaysia (https://www.youtube.com/results?search_query=siri+seram+scam)



Episod Elak Menjadi Mangsa Penipuan Kewangan oleh *Financial Education Network* (<https://www.fenetwork.my/episod-6-elak-menjadi-mangsa-penipuan-kewangan/>)

Situasi 1

Arkitek Muda

Bulan kemerdekaan hampir tiba...





Aktiviti 1

Murid ditunjukkan ulasan pelanggan (customer review) secara dalam talian.

Contoh:

← Penilaian  

Penilaian Produk Penilaian Kedai



Semua (150) Dengan Media Star ★ Variasi

 **Aisyah Ramli**  Membantu (14)

★★★★★
Variasi : Besar
Warna menarik dan sesuai untuk dibawa ke sekolah.





Ketahanan : Tahan lama
Material : Selamat digunakan
Subang Jaya | 31 Ogos 2025


← Penilaian  

Penilaian Produk Penilaian Kedai

Semua (150) Dengan Media Star ★ Variasi

 **Mickey_Mouse**  Membantu (0)

★★★
Variasi : Tiada
Barang sampai lambat dan kotak terkoyak.



Ketahanan : Tiada
Material : Tiada
Rantau Panjang | 17 Oktober 2025

Bezakan kedua-dua ulasan pelanggan di atas.







Aktiviti 2

Murid menonton video dan menerangkan kegiatan penipuan (scam) dan kesannya.

Contoh kaedah pencarian maklumat:

Search



Follow dan Like Amaran Scam
(<https://www.youtube.com/watch?v=wIwOZJLR9EU>)
BNM Official Youtube



Amalan Perbankan dalam Talian
(<https://www.youtube.com/watch?v=3Uy0yikLWqQ>)
The Association of Banks in Malaysia



Defend! Ketahui Tanda Scam
(<https://www.youtube.com/watch?v=hjWJpA7q0K0>)





Aktiviti 3

Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diminta untuk membuat aktiviti berikut:

1



Murid mencari maklumat berkaitan penipuan kewangan.

Cadangan:

1. Kesedaran keselamatan siber
2. Langkah-langkah mengelakkan penipuan kewangan

2



Murid membincangkan kesan penipuan kewangan kepada diri dan keluarga.




3

Murid boleh menjawab kuiz "Jangan Kena Scam".



<https://www.jangankenascam.com/quiz/>



Penilaian Kendiri

Nama: _____

Tarikh: _____

Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** bagi pernyataan yang berikut:

	BETUL	SALAH
1.Semua barangan yang diiklankan boleh dipercayai.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.Kita perlu membuat perbandingan sebelum membuat pembelian.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.Berwaspada terhadap panggilan daripada nombor yang tidak dikenali.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.Maklumat peribadi boleh diberikan kepada sesiapa sahaja.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.Penipuan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



Media Sosial *Financial Education Network* (FEN)

(<https://linktr.ee/myfenetwork>)



JanganKenaScam

(www.jangankenascam.com)



Jenis Penipuan Atas Talian! oleh Majlis Keselamatan Negara

(<https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/03/28/jenis-penipuan-atas-talian/>)

Nota:

Barangan terdiri daripada barang dan perkhidmatan.

TOPIK 3

SIMPANAN

DAN

HUTANG



TOPIK 3: SIMPANAN DAN HUTANG

Pengenalan

Topik ini memberi pendedahan tentang konsep simpanan dan hutang serta merancang kewangan kehidupan harian. Topik ini juga menekankan pemahaman terhadap perbezaan antara keperluan dengan kehendak serta cara penggunaan wang secara berhemat.

Kandungan ini menekankan konsep penting yang mampu mempengaruhi keputusan kewangan seperti berbelanja mengikut kemampuan, perbandingan harga dan instrumen kewangan.

Objektif



1. Menyatakan cara merancang simpanan dan membuat keputusan yang bijak.

2. Menjelaskan kebaikan atau keburukan pinjaman di samping menyemai nilai bertanggungjawab membayar balik hutang.

Maksud Simpanan

Simpanan merupakan sebahagian sumber pendapatan yang diketepikan dan disimpan sebelum dibelanjakan untuk kegunaan masa hadapan dan bukan dibelanjakan serta-merta.

Contoh: Simpan bentuk tunai, di dalam akaun bank



Maksud Hutang

Sejumlah wang atau kewajipan kewangan yang dipinjam dan mesti dibayar balik oleh seseorang atau organisasi kepada pihak lain dalam tempoh tertentu.

Contoh: Pinjaman perumahan



Situasi

Sikit-sikit Lama-lama Jadi Bukit

Johan mempunyai satu keinginan...



...untuk membeli sepasang kasut roda, berharga RM50



...tetapi dia hanya mempunyai sebanyak RM20 di dalam dompetnya.





Aktiviti 1

Guru memaparkan soalan.



Soalan 1

Cadangkan cara Johan membeli kasut roda tersebut.



Soalan 2

Jika Johan ingin membeli kasut roda dalam 30 hari, berapakah Johan boleh simpan dalam sehari?

Soalan 3

Jika Johan ingin membeli kasut roda dengan tempoh yang lebih cepat, apakah tindakannya?





Cadangan Jawapan Soalan 1


Cadangan	Kenyataan
Cara 1	Mengumpul wang secukupnya untuk membeli kasut tersebut (Nyatakan kebaikan dan keburukan pilihan ini)
Cara 2	Menjanakan pendapatan tambahan (Nyatakan kebaikan dan keburukan pilihan ini)
Nota	Murid memberikan justifikasi bagi setiap pilihan. Selepas murid membentangkan jawapan, guru merumuskan maksud simpanan.





Cadangan Jawapan Soalan 2

Cara	Kenyataan
Cara 1	<ul style="list-style-type: none">Jumlah simpanan yang konsisten setiap hari dari wang saku.Contoh: RM1 X 30 hari
Cara 2	<ul style="list-style-type: none">Jumlah simpanan yang tidak konsisten setiap hari dari wang saku.Contoh : RM3 + RM3 + RM5 +RM4 + RM5 + RM3 + RM2 +RM 2 +RM3 selama 9 hari.
Cara 3	<ul style="list-style-type: none">Sebahagian simpanan dari wang saku dan sebahagian lagi daripada sumber lain seperti pendapatan sampingan/duit hadiah/duit raya.Contoh : Wang saku RM3 +RM2 + RM2 selama 4 hari dan duit Raya RM20



Cadangan Jawapan Soalan 3



- Tabung
- Bank
- Unit Amanah Saham
- Emas



Aktiviti 2

Johan masih dalam perancangan menyimpan wang saku dengan secukupnya.



Johan masih menghadapi masalah kekangan wang untuk membeli kasut roda. Namun selepas sebulan, wang yang disimpan masih tidak mencukupi. Johan telah meminjam daripada ibunya untuk mencukupkan wang tersebut.

Adakah anda **bersetuju** dengan Johan?
Berikan **pandangan anda**.
Bincangkan dalam kumpulan.






Cadangan Jawapan Aktiviti 2

Setuju	Tidak Setuju
<ul style="list-style-type: none">• Cara yang cepat untuk membeli kasut.	<ul style="list-style-type: none">• Kurang sabar untuk membeli kasut.
<ul style="list-style-type: none">• Meminjam daripada ahli keluarga, tidak perlu menanggung faedah pinjaman.	<ul style="list-style-type: none">• Bergantung kepada orang lain/tidak berdikari.
	<ul style="list-style-type: none">• Perbelanjaan semasa akan kurang kerana membayar hutang.

Nota: Jawapan yang bersesuaian boleh diterima.



Ingat! Setiap kali kita meminjam, **wajib** kita memulangkan kembali pinjaman tersebut.



Penilaian Kendiri

Bil.	Pernyataan	BETUL atau SALAH
1	Simpanan ialah baki pendapatan yang tidak dibelanjakan.	
2	Simpanan jangka masa panjang bertujuan untuk membeli kasut.	
3	Simpan wang di rumah lebih selamat daripada simpanan di bank.	
4	Untuk membeli basikal, lebih baik menggunakan simpanan daripada membuat pinjaman wang.	
5	Jika meminjam wang, kita mestilah bertanggungjawab membayar balik hutang.	

TOPIK 4

RISIKO KITARAN HIDUP DAN INSURANS



TOPIK 4: RISIKO KITARAN HIDUP

4.1

Faktor Dalaman

4.2

Faktor Luaran



Pengenalan

Dalam kehidupan kita akan melalui pelbagai perubahan dari peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa hingga warga emas. Setiap peringkat ini mempunyai cabaran dan risiko kewangan tersendiri yang dikenali "risiko kitaran hidup".

4.1

Faktor Dalaman

OBJEKTIF FAKTOR DALAMAN

Menerangkan konsep asas kitaran hayat yang bermula daripada bayi sehingga usia tua. Setiap tahap mempunyai pengalaman dan cabaran yang unik.

Mengenal pasti faktor dalaman yang mempengaruhi risiko kitaran hayat manusia seperti kecederaan, hilang upaya atau kematian.

Menerangkan kepentingan perlindungan risiko.





**Gambaran visual
proses kitaran
hidup manusia**



Tua



Remaja



Dewasa



Kanak-kanak




Bayi



Aktiviti 1

Namakan kitaran hidup manusia dan nyatakan kehidupan setiap peringkat hayat manusia.



--	--	--	--	--



Aktiviti 2




Kawan-kawan, sila bantu Syafiq memulakan perjalanannya dari rumah hingga ke sekolah. Awas, ada banyak halangan dan rintangan yang harus dilalui.



Contoh aktiviti: Dam ke sekolah



Dam ke sekolah



- Petak 6 : Tertinggal buku latihan di rumah, kembali ke petak mula.
- Petak 10: Terdapat dahan pokok yang jatuh menimpa jalan. Tunggu pusingan seterusnya.
- Petak 16: Menumpang kereta guru. Mara ke petak 22.
- Petak 28: Terdapat jalan yang rosak. Undur 3 petak.



Aktiviti 3

Senaraikan risiko kepada seorang kanak-kanak:

Rumah:

Taman permainan:

Sekolah:



Aktiviti 4

1. Mengapakah Syafiq perlu menyimpan wang?



2. Apakah risiko yang akan dihadapi?





Cadangan Jawapan



Aktiviti 1




Setiap peringkat hayat diwakili oleh gambar atau simbol yang mudah dikenali oleh murid (fasa bayi → kanak-kanak → remaja → orang dewasa → orang tua)



Aktiviti 2



- Fasa kanak-kanak: pergi ke sekolah, bermain
- Fasa orang dewasa: bekerja, berkahwin
- Fasa orang tua: tidak bekerja, bersara





Cadangan Jawapan



Aktiviti 3



Senaraikan risiko kepada seorang kanak-kanak:

1. Rumah: bermain peralatan tajam, terkena air panas, termakan racun dan sebagainya
2. Taman permainan: bermain dengan peralatan yang sudah rosak, bermain di tempat yang tidak selamat seperti di longkang, jalan raya dan sebagainya
3. Sekolah : jatuh kerana berlari-lari di kantin, tolak-menolak, bermain di makmal sains dan sebagainya



Aktiviti 4




Soalan (1) Menyimpan wang untuk:

- perubatan (pembedahan, bayaran rawatan)
- kesan bencana alam dan kemalangan
- lain-lain jawapan yang sesuai

Soalan (2) Risiko yang akan dihadapi:

- perlindungan - menanggung kos besar
- melindungi kecederaan serius
- pengganti pendapatan (pendapatan pasif)
- melindungi kecacatan kekal



4.2

Faktor Luaran



Pengenalan

Faktor luaran ialah keadaan alam sekitar yang boleh mempengaruhi kehidupan kita seperti banjir kilat, kebakaran hutan, ribut taufan dan gempa bumi. Kejadian ini ialah bencana alam yang berlaku secara semula jadi dan kita tidak dapat mengawalinya.

OBJEKTIF FAKTOR LUARAN

Mengenal pasti risiko faktor luaran yang mempengaruhi risiko kitaran hayat manusia.

Menjelaskan kepentingan perlindungan risiko dari bencana alam.





Aktiviti Kumpulan

Murid membaca dialog komik yang disediakan dengan menghubungkan:

- situasi banjir (Kampung Kuala Muda)
- kesan risiko bencana alam

Situasi

Penduduk Kampung Kuala Muda telah mengalami kerugian besar akibat banjir yang melanda daerah Lembah Sungai. Banjir telah melibatkan kawasan perumahan serta merosakkan kebanyakan harta benda termasuk kenderaan, perabot dan barangan elektrik menyebabkan kemusnahan yang tidak dapat dibaiki. Selain kerugian harta benda, penduduk juga terpaksa menanggung kerugian yang tinggi untuk proses baik pulih.





Aktiviti 1

Senaraikan risiko jika berlakunya bencana alam seperti banjir.

Rumah:



Sekolah:





Aktiviti 2

Mengapakah penting untuk kita menyimpan wang jika berlakunya bencana alam?



Aktiviti 3

Bagaimana insurans boleh membantu keluarga kita jika rumah kita rosak disebabkan oleh banjir?





Cadangan Jawapan



Aktiviti 1

Senaraikan risiko jika berlakunya bencana alam seperti banjir.

- Rumah: Kerosakan harta benda, kesulitan aktiviti harian, kesukaran mendapatkan makanan dan keselamatan diri
- Sekolah: Aktiviti persekolahan terganggu, kerosakan fasiliti sekolah, kesihatan dan keselamatan murid terjejas dan halangan ke sekolah



Aktiviti 2

- dana kecemasan
- perlindungan tambahan (kewangan)



Aktiviti 3

Insurans/takaful merupakan tabungan khas yang diperlukan semasa kita menghadapi bencana alam, kecemasan dan kemalangan. Pampasan yang diterima boleh digunakan untuk membaiki rumah dan menggantikan peralatan rumah yang rosak.

4.3 PERLINDUNGAN RISIKO

ASAS INSURANS/TAKAFUL

OBJEKTIF

- Menyatakan konsep asas insurans/takaful dan kepentingannya.

Situasi

Insurans/takaful adalah seperti perumpamaan "Sediakan payung sebelum hujan". Jelaskan.



Aktiviti

Apakah yang mungkin akan berlaku jika kita tidak mempunyai insurans/takaful?

1

2

3

Kesan



Cadangan Jawapan

Penjelasan mengenai kesan terhadap beban kewangan dan perlunya perancangan kewangan yang lebih bijak terutamanya jika berlaku risiko yang tidak diingini kerana tiada insurans/takaful.



Penilaian Kendiri

Pilih jawapan yang betul.

1. Apakah perlindungan risiko (insurans/takaful)?
A. Nama lain bagi bank
B. Cara untuk melindungi kita dari kehilangan wang ketika ada masalah atau bencana
C. Permainan yang dimainkan oleh orang kanak-kanak sekolah
D. Cara untuk membeli barangan baru
2. Manakah contoh risiko faktor luaran?
A. Patah kaki
B. Kemalangan jalan raya
C. Banjir
D. Demam

BETUL atau SALAH

3. Insurans/takaful boleh membantu membayar bil/kos perubatan jika seseorang itu jatuh sakit.

BETUL

SALAH

4. Ribut taufan merupakan faktor dalaman yang memberi risiko kepada kitaran hayat yang tidak berbahaya.

BETUL

SALAH

5. Hilang upaya adalah contoh dari risiko faktor luaran.

BETUL

SALAH

6. Insurans/takaful dapat melindungi kita daripada risiko seperti kemalangan atau kerosakan di rumah.

BETUL

SALAH

PENGHARGAAN

PENASIHAT

Puan Hajah Nooraini binti Kamaruddin
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENASIHAT EDITOR

Puan Sarina binti Salim
Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar Sains dan Teknologi)

KETUA EDITOR

Tuan Haji Mohd Kamal bin Abdullah
Timbalan Pengarah
Sektor Sains Sosial

EDITOR

YBrs. Dr. Chong Yen Nee
Puan Nurul Anis binti Abdullah
Encik Norazuan bin Rozali
Unit Ekonomi dan Pendidikan Kewangan

PANEL PENGGUBAL

Encik Nizam bin Ibrahim
Puan Sunita binti Sulaiman
Puan Ng Say Fen
Puan Nirmala A/P Supramaniam
Puan Amalina binti Mohsin
Puan Malisah binti Zainol
Puan Noor 'Amirah binti M Effandy
Encik Muhammad Arafat bin Mohd Azwar
Puan Nurfaizlina binti Kamarulbahrin

Bank Negara Malaysia (BNM)
Bank Negara Malaysia (BNM)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
National STEM Association (NSA) UM STEM Centre
Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Encik Kugan A/L Ravendran
Puan Suzana binti Ali
Encik Muhamad Fadzimi Imran bin Muhamad
Ustaz Mohd Baihaqi bin Muhamed
Encik Rafifi Anuar bin Abdullah
Encik Azra bin Othman

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)
SK Sri Serdang, Selangor
SK Convent (1) Bukit Nanas, Kuala Lumpur
SK Seri Bintang Selatan, Kuala Lumpur
SJK(C) Min Sin, Perak
SMK Petaling, Kuala Lumpur

PANEL GRAFIK DAN REKA BENTUK

YBrs. Dr. Chong Yen Nee
Puan Nurul Anis binti Abdullah
Encik Firdaus bin Zakeyuddin
Encik Mohd Hafezi bin Abdul Hamid
Puan Rahimah binti Yaacob
Puan Nur Fatin Nabihah binti Mohamad
Puan Noor Syariza binti Mas'ood
Puan Ummu Khair Fatimah binti Tajul Arif
Encik Faizal bin Abdullah
Encik Izwar Fahmi bin Hawari
Puan Malisa Dalilah binti Mohd Buhari
Encik Hariz Haiqal bin Shaari
Puan Nurmalisa binti Md Sarib
Puan Siti Maisarah binti Mamat


Bahagian Pembangunan Kurikulum
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Bahagian Pembangunan Kurikulum
SJKC Kuen Cheng 1, Kuala Lumpur
SK Bertam Hulu, Melaka
SJKT Sentul, Kuala Lumpur
SJKC Malim, Melaka
SMK Tambun, Perak
SK Sri Serdang, Selangor
SK Puchong Jaya, Selangor
SMK Undang, Negeri Sembilan
SMK Bagan Terap, Selangor
SMK Petaling, Kuala Lumpur
SMK Petaling, Kuala Lumpur

TURUT MENYUMBANG

Tuan Haji Mhd Shafiee bin Abd Ghani
Puan Zurinah@Rosmawati binti Rajab
Puan Nor Baizura binti Abu Bakar

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Institut Aminuddin Baki
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan
Islam, Bangi
Pejabat Pendidikan Daerah Gombak

Puan Noraini Asra binti Ab Rahim



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, 6-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan
Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya.
Tel: 03 8884 2000
Faks: 03 8884 9917
<http://bpk.moe.gov.my>

ISBN 978-967-420-874-5



9 789674 208745